

# NOTIS PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UNTUK MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-59

MESYUARAT  
AGUNG  
TAHUNAN  
KE-

59

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera yang ke-59 akan diadakan pada **Ahad, 22 Jun 2025** atau lain-lain tarikh yang sesuai serta tempat yang akan dimaklumkan melalui notis Mesyuarat Agung.

Sebarang perubahan tarikh dan kelulusan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-59 adalah tertakluk kepada arahan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Pencalonan Anggota Lembaga dibuka pada tarikh notis ini dikeluarkan. Borang pencalonan boleh dimuat turun di laman web rasmi Koperasi Tentera iaitu [www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my) dan hendaklah dikembalikan kepada Pengurus Pentadbiran Am di Ibu Pejabat, Wisma Koperasi Tentera pada atau sebelum **Rabu, 16 April 2025, jam 3.00 petang**. Tiada pencalonan akan diterima selepas masa tersebut.

Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- Calon-calon dikehendaki menyertakan wang cagaran sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) dan wang pentadbiran sebanyak RM150.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh) bersama borang pencalonan masing-masing.
- Penerimaan pencalonan tertakluk kepada Garis Panduan (GP) 3: Garis Panduan Bagi Pelantikan atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Penerimaan pencalonan juga tertakluk kepada GP 13: Garis Panduan Mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi.
- Calon-calon yang diterima sebagai calon Anggota Lembaga Koperasi hendaklah juga memahami dan mematuhi "Kod Etika Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi Tentera" di mana pengundian dibuat secara dalam talian (*online*).

## Borang pencalonan boleh dihantar ke:

Unit Pentadbiran Am  
Tingkat 4, Wisma Koperasi Tentera  
No.1, Jalan 2/65C, Off Jalan Pahang Barat  
53000 Kuala Lumpur